

20/11/1999

Golden Hope mahu ternak ikan

MELAKA, Jumaat - Golden Hope Plantation Bhd bercadang melaksanakan projek ternakan ikan air tawar dalam sangkar di beberapa empangan dan tasik pada masa akan datang.

Pengerusinya, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, berkata cadangan itu akan menjadi kenyataan jika kajian yang dilakukan dengan kerjasama Jabatan Perikanan, menunjukkan kawasan berkenaan sesuai untuk ternakan ikan.

"Tujuan Golden Hope membabitkan diri dalam bidang ternakan ikan air tawar ini adalah selaras dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya mengurangkan penggantungan terhadap barangan import.

"Syarikat menyewa 30 kolam ikan air tawar Jabatan Perikanan negeri di Batu Berendam," katanya kepada pemberita selepas tangkapan sulung ikan talapia merah milik Golden Hope di Batu Berendam di sini, semalam.

(END)